



Suntikan kawal populasi haiwan liar

ORANG ramai membawa anjing peliharaan ke Dogathon 2015/2016 di UPM Serdang.

Serdang: Suntikan anti bunting disifatkan sebagai penyelesaian tepat kepada masalah pembiakan haiwan liar sekali gus boleh mengantikan tindakan membunuh haiwan berkenaan.

Timbalan Pengarah Program Dogathon 2015/2016 Bryan Andrew, 22, berkata, bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai suntikan itu, pihaknya menganjurkan program Dogathon.

"Pelajar Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia (UPM) sudah diajar cara menggunakan suntikan antibunting kepada kucing liar di sekitar kampus," katanya ketika ditemui di UPM sempena Program

“Setakat ini, suntikan itu digunakan terhadap kucing liar dan berjaya mengurangkan sebahagian populasi haiwan”

Bryan

"Setakat ini, suntikan itu digunakan terhadap kucing liar dan berjaya mengurangkan sebahagian populasi haiwan berkenaan di sekitar kampus," katanya ketika ditemui di UPM sempena Program

Dogathon 2015/2016 di sini, semalam.

Turut hadir Timbalan Dekan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar UPM Prof Madya Dr Siti Suri Arshad, Dekan Fakulti Perubatan Veterinar UPM Prof Dr Mohd Hair Bejo, Ketua Jabatan Pengajian Klinikal Veterinar Prof Madya Dr Jalila Abu dan Ketua Jabatan Sains Praklinikal Veterinar UPM Prof Madya Dr Goh Yong Meng.

Program berkenaan menghimpunkan 1,032 anjing pelbagai baka bersama tuan masing-masing sebagai tanda sokong terhadap kesedaran mengawal masalah anjing liar.